

06 JUN 1996

Mahathir - Perwaja

KEPUTUSAN PULIH PERWAJA TIDAK LAMA LAGI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan mengenai kaedah memulihkan semula Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) dijangka dibuat tidak lama lagi selepas tawaran yang dibuat oleh empat syarikat berminat mengambil alih Perwaja selesai dikaji.

"Kita sedang menilai tawaran yang dibuat oleh empat syarikat yang berminat untuk mengambil alih Perwaja.

"Kita, kalau lambatpun (membuat keputusan), bukanlah lambat sampai bertahun-tahun, cuma beberapa hari sahaja," katanya ketika ditanya pemberita mengapa kerajaan mengambil masa yang agak lama untuk membuat keputusan berhubung kaedah memulihkan semula syarikat itu.

Terdahulu, Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang 1995 kementerian di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, di sini.

Pada 21 Mei lepas, semasa menggulung perbahasan usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Perwaja berada dalam keadaan insolven (ketidakupayaan membayar hutang) kerana mempunyai kerugian terkumpul sebanyak RM2,980 juta.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata empat syarikat -- Kumpulan Lion, Renong Berhad, Westmont Holdings dan Maju Holdings -- sudahpun mengemukakan cadangan masing-masing untuk memulihkan Perwaja.

Beliau berkata firma audit, Price Waterhouse, yang menyiasat kewangan dan pengurusan Perwaja, telah mengemukakan empat cadangan pemulihan termasuk menswastakan Perwaja dan mengadakan kerjasama dengan syarikat lain.

Sebelum ini, terdapat juga laporan bahawa usaha memulihkan semula Perwaja mungkin diserahkan kepada konsortium beberapa syarikat atau sebuah syarikat sahaja.

Ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata : "Semuanya boleh. Mungkin kita serah 100 peratus atau separuh (daripada Perwaja), semua ini sedang kita kaji".

Katanya soal sama ada kerajaan boleh mendapatkan semula kerugian yang ditanggung oleh Perwaja jika ia diambil alih oleh syarikat lain juga dikaji.

"Kita juga perlu menentukan operasi Perwaja dapat diteruskan kerana banyak syarikat berpendapat mereka boleh memulihkannya," kata beliau. --

BERNAMA

AH NAK